

Oleh Mohd Jamilul Anbia
Md Denin
anbia@hmetro.com.my

NAHAS TREN LRT

MUNTAH DARAH DUA KALI

HARIAN METRO (26/05/2021)
14/5 02
Anggota APM kongsi pengalaman
selamat mangsa cedera parah

“Saya lihat salah seorang mangsa wanita berusia awal 20-an yang diberikan rawatan kecemasan muntah darah sebanyak dua kali. Ketika itu saya yakin dia menghadapi masalah kecederaan dalaman akibat impak kemalangan tren LRT itu,” ujar anggota Angkatan Pertahanan Awam (APM) Kuala Lumpur, Leftenan Muda Ahmad Hakim Azmi.

Menurutnya, dalam kejadian kemalangan tren Transit Aliran Ringan (LRT) berhampiran Stesen LRT Kampung Baru di sini, jam 8.33 malam kelmarin, dia dan anggota pasukan perubatan APM tiba di lokasi kejadian kira-kira 10 minit selepas nahas berlaku.

“Kami terus bergegas ke red zone iaitu lokasi semua mangsa masih berada di dalam gerabak LRT yang terbabit dalam rempuhan dua tren itu. “Ketika itu kami nampak

emosi walaupun peha kirinya berlumuran darah”

“Saya segera bertanyakan keadaannya sebelum dia memaklumkan amat sakit pada bahagian peha akibat tercampak sejurus rempuhan tren LRT berlaku. Berdasarkan pengalaman, saya mengesyaki tulang paha kiri mangsa patah,” katanya.

Susulan itu anggota APM berusaha memberikan rawatan awal secara berhati-hati dengan memindahkan mang-

nunggu LRT di tingkat atas stesen.

“Pelbagai keadaan mangsa dilihat ketika itu, ada yang patah hidung, cedera kepala dan muka selain pelbagai bentuk kecederaan lain. Alhamdulillah usaha membantu semua mangsa disertai anggota bomba dan penyelamat, penyelamat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan polis dilakukan dengan cekap, pantas serta teratur. “Semua mangsa kemudian



PENUMPANG yang cedera dalam kemalangan dua tren Transit Aliran Ringan (LRT) berhampiran stesen Kampung Baru di bawa ke hospital, kelmarin.

ramai mangsa tercedera masih berada di dalam gerabak. Keadaan memang mencekam berikutan ada mangsa yang cedera parah dan cedera ringan. Bagaimanapun kami fokuskan bantuan kecemasan kepada penumpang tren yang cedera parah," katanya.

Menurutnya, ada mangsa dalam keadaan terbaring di lantai tren dan ada juga yang duduk di bangku tren dalam keadaan kesakitan.

"Saya lihat seorang wanita berusia 30-an duduk menahan kesakitan. Mangsa nampak masih mampu mengawal

sa di atas *scoop stretcher* di bawa.

"Kami kemudian mengangkut *scoop stretcher* itu beraimai-ramai menaiki tangga stesen untuk membawa mangsa ke ambulans.

"Dalam masa sama, saya turut melihat seorang wanita berusia awal 20-an muntah darah sebanyak dua kali. Keadaannya separa kritikal ketika itu dan berkemungkinan mengalami kecederaan organ dalaman," katanya.

Katanya, kebanyakan mangsa yang diangkut dari gerabak LRT di landasan bawah tanah itu diletakkan di kawasan me-

dihantar ke Hospital Kuala Lumpur (HKL) untuk mendapatkan rawatan susulan," katanya.

Sementara Pusat Kawalan Operasi APM dalam kenyataannya berkata, semua mangsa yang cedera dalam kejadian itu berjaya dibawa keluar dari dalam gerabak tren LRT dan dihantar ke HKL pada jam 10 malam.

Seramai tujuh pegawai dan 29 anggota APM Kuala Lumpur, Selangor dan Ibu Pejabat Pertahanan Awam (IPPA) terbabit dalam operasi menyelamatkan mangsa disertai pihak polis, bomba dan penyelamat, penyelamat DBKL dan Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD).

KEADAAN penumpang yang cedera selepas pelanggaran tren LRT.



Cubaan menyelamat guna laluan sempit

Kuala Lumpur: Terpaksa melalui laluan terowong sempit selain risiko arus elektrik ketika cuba menyelamatkan ratusan mangsa untuk proses mengeluarkan semua mangsa.

"Memandangkan kedudukan tren dengan stesen LRT lebih kurang 100 meter selain keadaan penumpang yang cedera, maka ia perlu dibuat secara berhati-hati untuk elak kecederaan lebih serius," katanya.

Mengenai kejadian itu, Nordin berkata, pihaknya menerima laporan kejadian pada jam 8.45 malam kelmarin sebelum beberapa jentera dikejarkan ke lokasi. Katanya, operasi turut membabitkan beberapa agensi lain termasuk polis, Angkatan Pertahanan

Awam (APM) dan Rapid.

luar terowong sempit selain risiko arus elektrik. Jadi kita perlu berhati-hati dan mengambil banyak masa untuk proses mengeluarkan semua mangsa.

"Memandangkan kedudukan tren dengan stesen LRT lebih kurang 100 meter selain keadaan penumpang yang cedera, maka ia perlu dibuat secara berhati-hati untuk elak kecederaan lebih serius," katanya.

Mengenai kejadian itu, Nordin berkata, pihaknya menerima laporan kejadian pada jam 8.45 malam kelmarin sebelum beberapa jentera dikejarkan ke lokasi. Katanya, operasi turut membabitkan beberapa agensi lain termasuk polis, Angkatan Pertahanan

Anak menangis tak rasa kaki

Kuala Lumpur: "Dalam keadaan menangis, anak memaklumkan dia tidak dapat merasa kakinya yang cedera dalam insiden itu," ujar Syafiza Abd Hadhib, 45, ibu kepada mangsa yang cedera dalam insiden membabitkan dua tren Transit Aliran Ringan (LRT) laluan Kelana Jaya di sini, malam kelmarin.

Syafiza berkata, dia menerima panggilan kecemasan daripada anaknya, Adzleen Syzarenna, 24, melalui nombor telefon tidak dikenali.

"Anak saya yang bekerja di bank di Ampang menggunakan pengangkutan awam itu untuk berulang-alik ke rumah sewanya di Subang.

"Sejurus selepas kemalangan, Adzleen menghubungi saya dan memaklumkan dia

cedera di bahagian kaki dan tidak dapat bangun.

"Saya yang terkejut dengan berita itu terus ke lokasi kejadian dan sempat berjumpa dengan Adzleen yang masih berada dalam keadaan trauma sebelum dibawa ke Hospital Kuala Lumpur (HKL) untuk rawatan lanjut," katanya.

Seorang lagi ibu kepada mangsa insiden itu, Mazuin Bahari, 51, berkata, dia bimbang dengan keselamatan anaknya sebaik mengetahui tren LRT dinaiki anaknya, Tengku Ahmad Raiyan Tengku Naha, 27, terbabit dalam insiden itu.


"Ketika itu, Raiyan dalam perjalanan pulang ke rumah sewanya di Cheras. Sejurus selepas kemalangan itu, dia menghubungi saya memak-

lumkan nahas berkenaan jam 9.19 malam.



"Raiyan memberitahu kaki kanannya tidak boleh digerakkan selain berasa sakit pada bahu akibat hentakan kuat sebaik gerabak LRT itu bertembung," katanya ketika ditemui di HKL pagi semalam.

Katanya, dia bersama sepupu dan tunang Raiyan terus bergegas ke lokasi kejadian namun dimaklumkan semua mangsa sudah dibawa ke hospital untuk rawatan lanjut.





LALUAN KELANA JAYA



1 Train LRT 81 bertolak dari stesen Kampung Baru menuju Stesen KLCC membawa 213 penumpang bergerak secara automatik pada kelajuan 40km sejam

2 Tren LRT 40 dari Stesen KLCC dipandu secara manual untuk diselenggara bergerak di laluan sama pada kelajuan 20km sejam

Tiga mangsa nahas masih kritikal

Kuala Lumpur: Tiga mangsa kemalangan membabitkan dua tren Transit Aliran Ringan (LRT) laluan Kelana Jaya kelmarin, dilaporkan kritikal dan dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) manakala tiga lagi ditempatkan di wad manakala 61 mangsa sudah di discaj.

Pengarah Hospital Kuala Lumpur (HKL) Datuk Dr Heric Corray berkata, mangsa yang ditempatkan di ICU mengalami pendarahan otak kini diintubasi dan memerlukan pembedahan.

“Dua mangsa lagi sudah ditempatkan di wad biasa akibat kecederaan di dada, hati serta patah tulang.

“Manakala seorang lagi ditempatkan di wad kecemasan dan menunggu untuk dimasukkan ke ICU,” katanya pada sidang media di HKL, semalam.



ANGGOTA bomba membawa keluar penumpang wanita yang cedera.

3

Akibatnya berlaku pertembungan. Impak perlanggaran menyebabkan:

146

PENUMPANG CEDERA RINGAN

61

CEDERA

6

PARAH

7

NAHAS PADA 8.33 MALAM KELMARIN (24 MEI 2021)



KRONOLOGI MEMBABITKAN KEMALANGAN LRT

Projek Sistem Transit Aliran Ringan (LRT) pertama di ibu negara memulakan operasinya pada Disember 1996 dengan Fasa 1 menghubungkan Ampang dan Sultan Ismail. Dikenali sebagai STAR LRT, perkhidmatan itu turut ditawarkan bagi kawasan Sri Petaling. Kedua-duanya kini dinamakan semula sebagai Laluan Ampang dan Laluan Sri Petaling. Selain itu, Lembah Klang juga mempunyai satu lagi perkhidmatan LRT untuk kawasan Petaling Jaya, dulu dikenali sebagai PUTRA LRT, iaitu Laluan Kelana Jaya.

27 OKTOBER 2006

Sebuah daripada gerabak STAR-LRT terbabas melewati benteng konkrit dan tergantung hampir 25 meter dari aras bumi semasa tren itu mahu berhenti di hentian terakhirnya di Stesen Sentul Timur, namun tiada penumpang di dalam enam gerabak tren itu.

24 NOVEMBER 2007

Dua gerabak di bahagian tengah tren Star LRT tergelincir dari landasan ketika menghampiri Stesen Sentul Timur yang menyebabkan perkhidmatan tren di lima stesen dari Sentul Timur ke

Sultan Ismail terjejas dan 10 penumpang terperangkap di dalam lima tren yang terkandas di beberapa lokasi namun tiada sebarang kecederaan.

24 SEPTEMBER 2008

Empat penumpang cedera ringan apabila sebuah tren STAR-LRT melanggar belakang tren lain dan ketika kejadian kira-kira 300 penumpang berada di dalam kedua-dua tren itu.

22 JULAI 2015

Insiden kerosakan brek di dua lokasi berasingan iaitu di Stesen Setiawangsa dan

LRT di Lembah Klang diusulkan sejak 1980-an apabila Kajian Pengangkutan Pelan Induk Kuala Lumpur mendapati ibu kota memerlukan sistem rel bersepadu untuk membaiki infrastruktur pengangkutannya.

Kini berperanan sebagai antara mod pengangkutan awam utama Lembah Klang, perkhidmatan ini juga tidak terlepas daripada insiden termasuk yang membabitkan kecederaan dan berikut adalah antara insiden membabitkan ketiga-tiga laluan sejak mula beroperasi:

Universiti, bagaimanapun tiada kecederaan berlaku.

9 SEPTEMBER 2017

Perkhidmatan LRT laluan Kelana Jaya mengalami gangguan membabitkan laluan Setiawangsa-KLCC menyebabkan penumpang terperangkap di dalam tren selama 20 minit

24 MEI 2021

47 orang penumpang cedera parah dan 166 orang cedera ringan dalam insiden pertembungan dua tren LRT laluan Kelana Jaya dalam kejadian di dalam terowong di antara Stesen Kampung Baru dan KLCC.

Terdehulu, beliau mengiringi Menteri Pengangkutan Datuk Seri Wee Ka Siong dan Menteri Wilayah Persekutuan Tan Sri Annuar Musa yang menziarah mangsa yang menerima rawatan di HKL.

Dr Heric berkata, seramai 61 mangsa yang mengalami kecederaan tisu lembut di discaj selepas menerima rawatan.

“Bilangan keseluruhan mangsa yang menerima rawatan di HKL adalah 67 dan semuanya kini sedang serta sudah menerima rawatan.

“Kira-kira 300 petugas HKL terbabit dalam membantu dan merawat mangsa yang terlibat dalam kejadian berkenaan,” katanya.

Menurut beliau, beberapa mangsa yang ditempatkan di wad sudah menjalani ujian saringan Covid-19 dan petugas kesihatan juga mengenakan peralatan perlindungan diri (PPE) ketika merawat mangsa.

Kelmarin, 67 penumpang LRT dilaporkan cedera selepas berlaku perlanggaran antara dua tren masing-masing dari arah Gombak dan Kelana Jaya di sini.

Kedua-dua tren bertembung di antara stesen Kampung Baru dan KLCC.

Tren dari Gombak membawa 213 penumpang manakala tren dari arah Kelana Jaya yang tidak membawa penumpang dipercayai mengalami masalah teknikal sebelum berlaku pertembungan malam itu.